



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

2,000 PELAJAR TERIMA SUMBANGAN AKAUN SIMPAN SSPN PRIME

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebagai agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan setiap ibu bapa di negara ini menyediakan perancangan kewangan untuk pendidikan tinggi anak-anak melalui akaun Simpan SSPN dari seawal usia.
2. Pejabat Ahli Parlimen Kubang Kerian telah memberi sumbangan sebanyak RM100,000 dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime. Sumbangan ini akan memberi manfaat kepada 2,000 pelajar dengan setiap pelajar menerima sebanyak RM50 yang akan dimasukkan terus ke akaun Simpan SSPN Prime. Sumbangan ini adalah sebagai pendorong kepada ibu bapa dan anak-anak agar memulakan penabungan bagi tujuan pendidikan tinggi.
3. Majlis Penyampaian Sumbangan Akaun Simpan SSPN Prime tersebut telah diadakan pada 27 November 2021 di Pejabat PTPTN Negeri Kelantan yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man, Ahli Parlimen Kubang Kerian merangkap Menteri Alam Sekitar dan Air dengan gimik penyerahan replika cek kepada YBrs. Encik Azhar Ahmad, Ketua Pegawai Kewangan PTPTN. Turut hadir YBrs. Encik Azrul Akmal Mamat, Pengurus Besar Pejabat PTPTN Negeri Kelantan.
4. Ini merupakan pejabat Ahli Parlimen pertama di Kelantan yang memberikan sumbangan akaun Simpan SSPN Prime untuk kebajikan pelajar di kawasan Parlimen berkenaan. PTPTN mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas sumbangan dalam bentuk akaun SSPN Prime ini. Pemberian sumbangan ini jelas menunjukkan

keprihatinan dan sokongan padu pelbagai pihak khususnya Ahli Parlimen berkenaan dalam aspek pendidikan. Semoga usaha ini menjadi contoh dan ikutan kepada pejabat Ahli Parlimen-Parlimen lain di seluruh Malaysia bagi memastikan anak-anak Malaysia mempunyai tabung simpanan terbaik untuk masa depan pendidikan mereka.

5. Simpan SSPN Prime merupakan produk simpanan pendidikan di bawah PTPTN yang menyediakan pelbagai keistimewaan dan manfaat kepada masyarakat Malaysia. Antara kelebihan produk ini ialah kadar dividen yang kompetitif, pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih hingga RM8,000 setahun, Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, perlindungan takaful secara percuma, simpanan yang dijamin Kerajaan dan patuh syariah. Maklumat lanjut dan untuk pembukaan akaun baharu Simpan SSPN Prime boleh layari www.lovesspn.com.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

27 November 2021